



SYARAT-SYARAT PERLESENAN PUSAT SIBER & KAFE SIBER

1. TAKRIFAN

- 1.1 Pusat Siber adalah premis berlesen yang menyediakan kemudahan komputer (PC) untuk tujuan melayari internet.
- 1.2 Kafe Siber adalah premis berlesen yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet serta menjual makanan dan minuman kepada pelanggan.

2. PEMOHON

- 2.1 Warganegara Malaysia dan Berumur 18 tahun ke atas
- 2.2 Pekerja perlu mendaftar bagi mendapatkan pas/kad pekerja yang akan dikeluarkan oleh PBT.
- 2.3 Berkemahiran dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang ini serta boleh menguruskan premis ini dengan teratur dan mengikut peraturan.

3. PREMIS

- 3.1 Premis (bangunan) yang diluluskan oleh MDKL dengan Sijil Layak Menduduki Bangunan (CCC) dan sebarang pengubahsuaian ke atas bangunan hendaklah mendapat kelulusan Majlis.
- 3.2 Pusat Siber dan Kafe Siber dibenarkan beroperasi di kawasan berikut:
 - a) Kompleks Perniagaan
 - b) Rumah Kedai/Kedai Pejabat (Tingkat bawah dan tingkat satu sahaja)
 - c) Premis binaan sendiri di kawasan Luar Bandar (kelulusan sementara setelah berunding dengan Ahli Majlis)
- 3.3 Pusat Siber dan Kafe Siber tidak dibenarkan beroperasi berhampiran dengan kawasan-kawasan sensitif seperti:
 - a) Masjid / Rumah Ibadat
 - b) Lain-lain kawasan yang ditetapkan oleh PBT(Jarak minima yang dibenarkan hendaklah sekurang-kurangnya 500 meter radius daripada kawasan tersebut)

3.4 Menyediakan kelengkapan keselamatan premis yang sesuai dan lengkap mengikut Jabatan Bomba dan Penyelamat.

3.5 Menyediakan tandas awam berasingan bagi lelaki dan perempuan.

3.6 Tempat letak komputer perlu sesuai dan di ruang terbuka dan tidak boleh berbilik dan berpintu.

4. SYARAT-SYARAT AM

4.1 Permohonan lesen melalui borang yang ditetapkan dan sah lesen sehingga 31hb Disember setiap tahun.

4.2 Menyediakan tong sampah yang mencukupi dan menjaga kebersihan setiap masa.

4.3 Menyediakan notis larangan seperti Merokok, Pakaian seragam sekolah dan Notis waktu operasi.

4.4 Menyeragamkan papan tanda Pusat Siber dan Kafe Siber dengan penggunaan nama '**Pusat Siber Sihat**'.

5. SYARAT-SYARAT KHUSUS

5.1 Hanya menyediakan kemudahan melayari internet berobjektifkan pengetahuan pengguna.

5.2 Pemegang lesen adalah bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aktiviti kurang sihat berlaku di premis tersebut.

5.3 Mengambil langkah untuk memastikan terdapatnya ganti udara dan pencahayaan yang cukup serta hendaklah menyebabkan tiap-tiap cara ganti udara / pencahayaan buatan itu dijaga dalam keadaan baik dan boleh digunakan di tempat premis berlesen itu

5.4 Tidak dibenarkan menambah atau menukar aktiviti perniagaan yang telah dilesenkan tanpa kelulusan Majlis

5.5 Waktu Operasi : Dibenarkan operasi dari 8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam sahaja.

5.6 Pengunjung hanya dibenarkan berumur 12 tahun keatas. Bagi yang berumur 12 tahun ke bawah dibenarkan dengan ditemani penjaga yang sah.

5.7 Pengunjung berumur di bawah 12 tahun hanya dibenarkan sehingga pukul 10.00 malam sahaja.

5.8 Menyediakan buku rekod kemasukan pelanggan bagi disemak oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa.

- 5.9 Pihak Majlis Daerah Kuala Langat boleh mengarahkan tindakan tutup jika pemegang lesen melanggar syarat-syarat yang ditetapkan.
- 5.10 Bilangan **minima** komputer bagi memulakan perniagaan Pusat Siber dan Kafe Siber Daerah Kuala Langat adalah **20 unit**.
- 5.11 Penggunaan **'firewall'** sebagai **'web filtering'** (**penapisan sesawang**) untuk menghalang akses kepada laman web lucah, porno, perjudian atau apa-apa laman web.
- 5.12 Pemegang lesen **DIWAJIB** memasang software 'B3 Café' (internet café billing management software) atau sebarang software yang sama diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- 5.13 Mykad Solution (B3 Cafe) akan merekod butiran-butiran pengunjung seperti berikut :-
- a) Nama pelanggan
 - b) Nombor kad pengenalan atau nombor passport
 - c) Umur
 - d) Masa mula dan tamat penggunaan
 - e) Nombor telefon (sekiranya perlu)
 - f) IP komputer dan IP talian internet yang digunakan
- 5.14 Aktiviti penyediaan atau penjualan makanan dan minuman atau apa-apa aktiviti perniagaan hendaklah di ruangan yang berasingan dari aktiviti Pusat Siber dan Kafe Siber.
- 5.15 Menyediakan ruang rehat yang mencukupi bagi pelanggan.

6. LARANGAN

- 6.1 Keadaan premis perlulah terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang dan penggunaan cermin gelap adalah **DILARANG**.
- 6.2 Sebarang iklan atau apa-apa kertas berkaitan dengan Pusat Siber atau Kafe Siber adalah **DILARANG** menampal di cermin atau pintu boleh menghalang pandangan di luar premis.
- 6.3 Penjualan / membawa masuk rokok / minuman keras adalah **DILARANG**.
- 6.4 Aktiviti perjudian, permainan video, melihat gambar lucah, muzik (pipe musik), dan penjualan bahan-bahan bercetak khususnya yang mengandungi unsur-unsur negatif adalah **DILARANG**.
- 6.5 Pekerja asing **DILARANG** bekerja di premis ini.
- 6.6 Pelajar berpakaian seragam sekolah **DILARANG** memasuki Pusat Siber dan Kafe Siber.

7. REKA BENTUK PUSAT SIBER DAN KAFE SIBER

7.1 Pengusaha premis Pusat Siber dan Kafe Siber perlu mematuhi keperluan minima reka bentuk Pusat Siber dan Kafe Siber seperti berikut:

- i. Reka bentuk A : bagi premis-premis yang beroperasi di pusat membeli belah.
 - ii. Reka bentuk B : bagi premis-premis yang beroperasi di lot kedai pejabat atau rumah pejabat.
 - iii. Reka bentuk C : bagi premis-premis yang beroperasi di kawasan luar bandar.
- b) Pembahagian ruang mengikut reka bentuk

REKA BENTUK A		
BIL	RUANG LOT KEDAI 30' X 40'	LUAS m2
1	Ruang rehat / daftar	30.6
2	Ruang bilik komputer	80.8
3	Jumlah komputer (1 unit komputer bagi setiap 1.2 m2)	45-50 buah
REKA BENTUK B		
BIL	RUANG LOT KEDAI 22' X 70'	LUAS m2
1	Ruang rehat / daftar	24.5
2	Ruang bilik komputer	104.2
3	Jumlah komputer (1 unit komputer bagi setiap 1.2 m2)	60-65 buah
REKA BENTUK C		
BIL	RUANG LOT KEDAI 40' X 60'	LUAS m2
1	Ruang rehat / daftar	34.2
2	Ruang bilik komputer	141.0
3	Jumlah komputer (1 unit komputer bagi setiap 1.2 m2)	80-90 buah

PERINGATAN

****Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekitaran
Majlis Daerah Kuala Langat